

09/10/2003

Pemimpin Pas sengaja membisu untuk cari modal mengumpat

TIADA cahaya matahari dapat menembusi Dewan Rakyat. Hanya cahaya lampu yang menerangi setiap kali dewan itu bersidang. Waktu malam dan siang, sama saja keadaannya. Hanya jam yang memberitahu siang atau malam kepada mereka yang menyertai sidang.

Sewaktu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan Bajet 2004 September lalu, beliau mengambil masa yang panjang untuk melakukan pembentangan itu. Ia terlajak sehingga melampaui waktu Asar. Jelaslah bahawa beliau kelihatan meninggalkan solat Asar.

Ada beberapa kemungkinan yang dapat diandaikan bersabit peristiwa itu. Beliau mungkin menjamakkan sembahyang Asar itu dengan Zuhur, sebelumnya. Bagi sesetengah pendapat fiqh, jamak boleh dilakukan tanpa musafir, dalam keadaan tertentu. Menurut pendapat ini, Nabi Muhammad saw pernah menjamakkan Maghrib dengan Isyak, kerana hujan lebat.

Kemungkinan yang kedua, ialah beliau lupa dan lalai dan kemungkinan yang lain ialah beliau sengaja meneruskan ucapan, walaupun tahu waktu Asar sudah pun luput. Ketiga-tiga andaian ini, beliau saja yang tahu sebenarnya.

Apa yang berlaku, telah dijadikan isu politik oleh Pas. Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang segera mengambil kesempatan itu untuk melontar bukti bahawa kononnya negara ini bukan negara Islam kerana pemimpinnya tidak mengerjakan solat. Beliau juga menggunakan kejadian itu untuk melabelkan Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai Islam klon.

Beliau memberi gambaran seolah-olah Perdana Menteri tidak mengerjakan sembahyang langsung dengan kejadian yang berlaku itu. Pada hal, beliau hanya luput satu solat.

Apa yang terjadi itu, kemudian dijaja oleh Pas di dalam ceramah mereka di seluruh negara. Dengan bertemakan 'Bajet Asar', mereka seolah-olah mendapat modal politik besar untuk memukul Umno dan kerajaan bagi meraih undi.

Bagi orang yang tahu mengenai Islam dan ajarannya yang sebenar mereka pasti melihat kegelojohan politik Pas itu dengan beristighfar. Pemimpin Pas yang terpedaya dengan keghairahan untuk berkuasa, bersubahat melakukan maksiat.

Andai kata Perdana Menteri tidak menjamakkan solatnya, sama ada beliau lupa atau sengaja, mengapa pemimpin Pas yang menggelar diri mereka ulama, pemimpin gerakan Islam, pencetus kebangkitan Islam dan pelbagai gelaran hebat yang lain, tidak melarang atau mencegah suatu kemungkaran berlaku di hadapan mata mereka.

Mengapa ulama dan ustaz yang mewakili parti Islam di dewan itu membisu? Bukankah mereka selalu mengeluarkan kenyataan bahawa ulama yang berdiam diri terhadap kemungkaran yang berlaku adalah syaitan bisu. Sebagai ahli Dewan Rakyat mereka berkuasa mencadangkan supaya sidang dewan ditangguhkan.

Bahkan mereka boleh mencelah waktu pembentangan bajet itu dan menegur. Mengapa mereka semuanya mendiamkan diri? Mengapa mereka merelakan diri menjadi syaitan bisu?

Ternyata sekali, mereka bersubahat melakukan kemungkaran. Jika Perdana Menteri terlupa, tentunya dosa mereka lebih besar, justeru tidak mengingatkan orang yang lupa pada hal mereka tahu.

Belang tidak ikhlas pemimpin Pas dalam perjuangan terserlah apabila selepas kejadian itu, mereka melancarkan serangan dan hentaman bertubi-

tubi, di dalam dan di luar Parlimen.

Mereka nyahkan semua teladan Nabi saw dan sahabat di dalam menangani kesilapan yang dilakukan oleh Perdana Menteri. Mereka mencela dan mencemuh. Mereka menghina dan mengembangkan kebencian.

Jika mereka pemimpin Islam, pejuang harakah Islamiah, sepatutnya, mereka sayangkan orang Islam, sebagaimana Rasulullah saw sayangkan umat. Orang yang sedang melakukan dosa, segera diselamatkan daripada dosa itu dengan penuh timbang rasa dan berhikmah.

Membiarkan orang melakukan dosa dan menjadikan perbuatan salah yang dilakukan sebagai modal untuk mengumpat dan mencela, bukan daripada akhlak Islam. Bahkan Islam melarang perbuatan seperti ini terhadap orang lain.

Seorang sahabat Nabi saw, Abu Darda' telah dilantik sebagai gabenor oleh Khalifah Umar Ibn Khattab di satu wilayah di Iraq. Beliau meninjau keadaan rakyat tanpa diketahui mereka. Beliau melihat sekumpulan orang sedang memukul seorang pemuda. Beliau bertanya kepada kumpulan itu mengapa mereka memukul pemuda itu. Mereka memberitahu beliau, pemuda itu melakukan maksiat.

Abu Darda' berkata: "Tidak ada cara lain untuk mengajar pemuda itu?"

Orang ramai menjawab: "Kamu relaxah pemuda ini melakukan kemungkaran yang telah dilakukan itu?"

Abu Darda' berkata: "Aku tidak rela, tetapi dia adalah saudaraku".

Orang ramai bertanya: "Apakah yang patut kami lakukan?"

Abu Darda' menjawab: "Bimbinglah dia, nasihatlah dia"

Mendengar perkataan Abu Darda', pemuda itu meluru kepadanya dan memeluknya. Sambil menyatakan taubatnya kepada Allah swt dia lantas berjanji tidak melakukan lagi perbuatan mungkar. Pemuda itu kemudian menjadi insan yang soleh, yang bertakwa.

Betapa jauhnya jurang antara akhlak pemimpin Pas dan sahabat Nabi saw. Mereka seharusnya berusaha keras untuk memperbaiki akhlak dan mencontohi akhlak Rasulullah saw dan sahabat Baginda, supaya Islam yang mereka perjuangkan itu terpancar di dalam sahsiah dan akhlak mereka terlebih dulu.

Jangan mudah menggelar diri sebagai pemimpin Islam, pejuang dan mujahid Islam, jika akhlak dan budi pekerti Islam tidak diamalkan sewajarnya.

Seorang pemimpin Islam adalah juga seorang guru yang mendidik dan memberi bimbingan kepada umat supaya berakhlak mulia, bersopan santun dan ikhlas menghayati ajaran Islam.

Nabi saw bersabda: "Ada pun aku adalah pembawa rahmat dan petunjuk." Begitulah juga sepatutnya seorang pemimpin Islam. Mereka bukan penjaja keburukan, penyebar fitnah dan ke sana ke mari mencanang kesalahan orang. Mereka adalah penasihat dan perunding yang memberi bimbingan dengan ikhlas dan berhikmah.

Mereka manusia beradab, yang tidak suka menjaja keaiban dan keburukan. Mereka mematuhi firman Allah yang bermaksud: "Allah swt tidak suka menseserlahkan keburukan daripada perkataan melainkan orang yang dizalimi (ketika memberi keterangan di hadapan hakim untuk menegakkan keadilan).

Manusia tidak terlepas daripada melakukan kesalahan dan kesilapan. Reaksi orang Islam terhadap saudaranya yang melakukan kesilapan, adalah dia berusaha menyelamatkannya daripada terjebak di dalam kesalahan dan kesilapan itu.

Nabi saw bersabda: "Tolonglah saudaramu yang zalim dan dizalimi". Sahabat berkata, kami faham mengenai pertolongan untuk orang yang dizalimi. Bagaimana menolong orang yang melakukan kezaliman. Nabi saw bersabda lagi: "Halanglah dia daripada melakukan kezaliman." Begitulah tingginya akhlak Islam yang menghiasi sahsiah pemimpin Islam.

Orang yang mempamerkan akhlak buruk dan menghayun lidah untuk memukul, mencela dan mencemuh, hanya mempalitkan imej Islam dengan kecemaran.

Akibatnya, perjuangan menegakkan Islam menjadi bahan ketawa yang melucukan. Justeru, perjuangan seumpama itu akan bersua dengan maksud pepatah "cakap berdegar-degar, tahi tersangkut di gelegar".